




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **50 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **54,259 kes**. Tiada kes kematian direkodkan.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah ialah 47 menjadikan jumlah kumulatif 53,360 orang. Seramai 361 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 142 orang di hospital dan 219 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 18 orang dan lima (5) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kota Marudu bertukar dari zon jingga ke zon kuning.

- 4 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan pada hari ini.

Kluster D Gana daerah Keningau merekodkan pertambahan 19 kes positif COVID-19 dan menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 20 kes. Kes indeks merupakan seorang wanita yang dikesan positif melalui saringan bergejala di salah sebuah pusat perubatan di Keningau pada 20 Mac 2021. Saringan kontak rapat mendapati 19 lagi kes positif dalam kalangan keluarga kes indeks. Hasil penelitian, kes indeks telah menyebarkan jangkitan wabak ini menerusi aktiviti kunjungannya secara kerap ke rumah anak-anaknya di mukim tersebut. Punca dan saringan kontak rapat masih giat dijalankan.

- 5 Daripada 50 kes positif COVID-19, sebanyak 17 kes (34%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, empat (4) kes (8%) saringan bergejala, 26 kes (52%) saringan kluster baharu dan sedia ada, satu (1) kes (2%) saringan bersasar serta dua (2) kes (4%) dari lain-lain kategori.

- 6 Jumlah kapasiti katil 4,253 unit
- Hospital 535 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,298 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Peratus penggunaan katil 8.49%.

B SOP SIGN ON DAN SIGN OFF PEKERJA OIL & GAS SABAH

Kerajaan Negeri hari ini memutuskan untuk **MENGEKALKAN** SOP bagi aktiviti *Sign On/Off* untuk pekerja luar pesisir pantai (*offshore*) yang sedia ada. Semua individu yang akan masuk ke Sabah melalui pintu masuk udara, laut dan darat perlu menjalani ujian RT-PCR atau RTK-Ag COVID-19 dalam tempoh tiga (3) hari sebelum perjalanan. Hanya individu yang tidak bergejala dengan keputusan ujian negatif akan dibenarkan masuk ke Sabah

C PENAMATAN PKPD KAMPUNG TANAH MERAH, KOTA MARUDU, SABAH

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan Negeri turut bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung Tanah Merah, Kota Marudu pada **22 Mac 2021** seperti yang dijadualkan.

D PKP DAERAH KENINGAU, SABAH

- 1 KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes positif harian secara mendadak di daerah ini dengan sebanyak 42 kes telah direkodkan hasil saringan secara bersasar di Kg. Lingkudau yang juga telah dilaksanakan PKPD.
- 2 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di daerah Keningau, bermula 22 Mac hingga 4 April 2021, selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

- 3 Pelaksanaan PKP ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar serta mengesan beberapa lagi kontak rapat dan mengawal pergerakan penduduk di daerah ini.

E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini, seramai **621** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **41,420** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **609** orang telah menerima suntikan hari ini.

F BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sejumlah **287,390** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 28 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 12,806 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, dua (2) buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 75 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak lima (5) kompaun dikeluarkan Polis Kontinjen Sabah kerana melanggar SOP COVID-19:
 - Penampang : lima (5) orang
 - Aktiviti pusat hiburan- tiada penjaraikan sosial.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 125 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 57 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 418 lokasi melibatkan seramai 188 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama dilaksanakan melibatkan 112 anggota RELA di 149 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu Kota Kinabalu, Sandakan dan Keningau.
- 7 Sejumlah 23 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.

H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **96.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	97%
2	Kunak	97%
3	Sipitang	97%
4	Beluran	97%
5	Kinabatangan	97%
6	Beaufort	97%
7	Penampang	97%
8	Kota Kinabalu	97%
9	Ranau	96.5%
10	Sandakan	96.5%
11	Kudat	96%
12	Tenom	96%
13	Papar	96%
14	Kota Marudu	96%
15	Tuaran	96%
16	Lahad Datu	96%
17	Kota Belud	96%
18	Tawau	95%
19	Keningau	94%

- 2 Ayuh, daftarkan diri anda untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

21 Mac 2021